

Mangsa banjir di Shah Alam tagih janji

11/9/00 BH

JIKA bulan depan pilihan raya umum, saya rasa masalah banjir di Shah Alam terutama di Seksyen 13, Taman TTDI Jaya dan Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga akan segera diselesaikan. Kerja pembaikan akan segera dilaksanakan dan mereka akan bekerja 24 jam tanpa henti.

Apakah pihak terbabit perlu diketuk kepalanya baru hendak membuat kerja? Walaupun banjir berlaku di kawasan yang saya sebutkan tadi, namun kesannya secara keseluruhan adalah ke atas semua penduduk Shah Alam.

Ini kerana semua jalan keluar masuk adalah melalui kawasan yang dilanda banjir. Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya KESAS, Lebuhraya Plus, Lebuhraya NKVE, semuanya berakhir dan akan melalui kawasan Batu Tiga.

Amat sedih sekali melihat penduduk Kampung Kebun Bunga yang terpaksa mengharungi banjir di paras dada untuk menyelamatkan barangan berharga. Perlu diingat kampung ini bukannya kampung setingan seperti yang didakwa oleh setengah pihak.

Ia kampung lama dan kampung asal sebelum wujudnya Shah Alam. Sejak Shah Alam bernama Sungai Renggam lagi kampung ini sudah wujud dan 100 peratus orang Melayu.

Skrip lama yang tersimpan sebelum ini dikeluarkan semula untuk menjawab pertanyaan wartawan dan penduduk terbabit. Cuma ditukarkan tarikh saja. Seinggakan masyarakat kampung berkenaan sudah boleh tahu dan agak apakah jawapan daripada jabatan kerajaan dan orang tertentu. Sungguh mudah untuk menangani krisis apabila berlaku.

Mana janji untuk menaikkan dan meninggikan paras jalan lebuhraya oleh Plus? Mana janji Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan Sungai Damansara? Mana janji Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk melebar dan meninggikan jalan Batu Tiga Lama di depan jalan masuk ke Kampung Kebun Bunga?

Mana janji kerajaan negeri Selangor untuk menaikkan taraf jalan Batu Tiga Lama di depan kilang gula? Mana janji kerajaan negeri Selangor untuk pampasan banjir pada 26 Februari lalu yang masih tertunggak? Janji menaikkan taraf jalan masuk ke kampung pun tidak dilaksanakan lagi.

Yang pasti skrip lama tuding menuding masih berlaku. Plus berkata tanya Kementerian Kerja Raya. Kementerian Datuk Seri Samy Vellu

pula menuding kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana JPS di bawah kementerian terbabit dan melebarkan Sungai Damansara adalah kerja JPS.

Apakah susah untuk duduk semeja untuk membincangkan masalah yang melanda penduduk yang malang ini? Apakah apabila kena tegur oleh Perdana Menteri barulah semuanya menggelabah untuk bekerja dan menunjuk-nunjuk pula siapa lebih hebat bekerja?

Inilah bukti sistem penyampaian sangat lemah di dalam jabatan kerajaan dan agensi yang berkaitan. Janganlah berbangga dengan angka peruntukan yang berpuluh juta ringgit tetapi tiada kerja dilakukan.

Pihak terbabit janganlah menganggap penduduk Kampung Kebun Bunga sebagai warga kelas kedua Bandar raya Shah Alam. Mereka adalah penduduk asal Shah Alam sebelum wujudnya Shah Alam seperti yang ada sekarang.

Rakyat bertanya apakah susah sangat untuk melakukan kerja mendalamkan sungai dan membina tembok pencegahan banjir? Janganlah mengeluarkan kenyataan yang hanya untuk menyedapkan hati penduduk yang malang itu dan dikaburi dengan bantuan wang ringgit.

Bukan itu yang mereka kehendaki. Mereka mahukan tindakan yang segera dan jaminan banjir tidak akan berulang lagi. Walaupun kita boleh berkata banjir adalah suatu bencana alam semula jadi, namun kelalaian manusia dan ketidakcekapan bekerja juga menjadi punca mengapa banjir terjadi.

Akibat kerakusan pembangunan di hulu Sungai Damansara, mangsanya adalah penduduk kampung di hiliran sungai seperti yang terjadi kepada penduduk Kampung Kebun Bunga.

Janji untuk dibina kolam tebatan banjir selepas banjir besar bulan Februari lalu masih tidak nampak lagi projek berkenaan.

Walaupun ada dilihat kerja pengorekan di Sungai Damansara berhampiran dengan kilang Calsberg dan pasar raya besar Makro tetapi ia hanya membersihkan semak dan lalang yang telah menutupi tebing sungai dan bukannya mendalamkan sungai.

Sampai bila masalah ini boleh diselesaikan? Inilah pertanyaan yang kerap ditanya oleh penduduk Shah Alam setiap kali banjir berlaku.

**ZURAI DAH AMIR
HAMZAH,**
Seksyen 7, Shah Alam.